

# ORALMET TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Metformin Hydrochloride (250mg, 500mg, 850mg and 1000mg)

## Apakah yang ada didalam risalah

1. Apakah kegunaan Oralmet
2. Bagaimana Oralmet berfungsi
3. Sebelum mengambil Oralmet
4. Cara menggunakan Oralmet
5. Semasa mengambil Oralmet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Oralmet.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

## Apakah kegunaan Oralmet

Pil Oralmet digunakan untuk mengawal kandungan gula dalam darah untuk pesakit kencing manis Jenis 2 atau kencing manis yang tidak bergantung kepada insulin.

## Bagaimana Oralmet berfungsi

Apabila terlalu banyak gula di dalam darah, insulin di dalam badan tidak mencukupi untuk mengestrak gula daripada darah, Oralmet akan membantu meningkatkan sensitiviti tubuh kepada insulin dan dapat membantu tubuh untuk menggunakan gula dengan cara yang betul semula.

## Sebelum mengambil Oralmet

### Bila tidak boleh mengambil :

Jangan guna Oralmet,

1. Jika anda alergi kepada metformin,
2. Jika anda baru diserang penyakit jantung atau masalah jantung lain,
3. Jika anda mempunyai masalah hati dan buah pinggang,
4. Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan susu badan.

## Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor sekiranya mengalami keadaan seperti di bawah:

Oralmet ini tidak boleh diambil oleh pesakit yang mengalami,  
1. Keasidan dalam darah (ketoacidosis)  
2. Jangkitan teruk/tekanan/trauma  
3. Masalah serius pada buah pinggang  
4. Masalah hati dan tiroid  
5. Sakit jantung  
6. Kehilangan air yang teruk  
7. Ketagihan alcohol

### Jika Mengambil ubat-ubat lain:

Setengah ubat ada potensi berinteraksi dengan Oralmet jika dimakan bersama-sama, termasuk:

- (a) Ubat yang boleh menyebabkan hyperglycaemia seperti corticosteroid, diuretics, thyroid, asid nikotinik dan lain-lain.
- (b) Ubat yang meningkatkan kepekatan metformin dalam darah seperti Furosemide,
- (c) Ubat-ubat kation seperti ranitidine, morphine, procainamide, trimethoprim dan vancomycin,
- (d) Ubat yang boleh meningkatkan puncak dan kepekatan darah metformin seperti cimetidine,

Sila dapatkan nasihat ahli farmasi dan doktor anda sebelum mengambil ubatan lain.

## Cara menggunakan Oralmet

### Berapa banyak harus digunakan

Permulaan dos 500mg metformin hydrochloride 3 kali sehari. Jika anda mengambil Oralmet 850mg, permulaan dos boleh jadi 850mg dua atau tiga kali sehari. Penambahan dos ubat secara berperingkat dapat memperbaiki toleransi terhadap usus gastrik. Dos maksimum metformin hydrochloride yang dibenarkan ialah 3 gram sehari. Doktor anda akan menentukan dos permulaan dan dos pengekalan yang sesuai bergantung kepada keadaan anda.

### Bila perlu digunakan

Oralmet boleh diambil semasa atau selepas makan.

### Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada nasihat daripada ahli farmasi atau doktor anda.

### Jika terlupa mengunakannya

Ambil secepat mungkin tetapi jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan dos yang tinggi akan menyebabkan anda mendapat laktik asidosis. Laktik asidosis perlukan rawatan kecemasan dan dirawat di hospital.

## Semasa menggunakan Oralmet

### Perkara yang perlu dilakukan

Ujian kencing manis perlu dilakukan secara berkala dan berterusan. Semua pesakit perlu meneruskan pengambilan karbohidrat seperti biasa. Pesakit yang berat berlebihan mesti mengamalkan diet terkawal (energy-restricted diet).

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil dos lebih daripada yang disarankan oleh ahli farmasi atau doktor anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alcohol dan ubat yang mengandungi alcohol.

## Kesan-kesan sampingan

1. Mabuk, muntah dan anokresia (ketiadaan selera makan)
2. Penyerapan Vitamin B12 mungkin terjejas
3. Kehilangan berat badan

Sila dapatkan nasihat daripada doktor/ahli farmasi anda untuk keterangan lanjut berkaitan kesan-kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

# ORALMET TABLET

Metformin Hydrochloride (250mg, 500mg, 850mg and 1000mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

(consumer – Reporting)

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan

### Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah suhu 25°C dan terlindung dari cahaya dan kelembapan.

### Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi atau doktor bagaimana melupuskan ubat yang tidak diperlukan atau sudah tamat jangka hayatnya.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna Produk

Oralmet Tablet 250mg - Putih bulat konvex, 9mm diameter tablet, salut filem, dengan "SL" logo pada satu muka.

Oralmet Tablet (500mg) - Putih bulat convex, 12mm diameter tablet, salut filem, dengan 'SL' logo pada satu muka and belah pada muka sebelah.

Oralmet Tablet 850mg – Putih ke kuningan, salut filem tablet, 14mm diameter, konvex dengan 'SL' logo pada satu muka.

Oralmet Tablet 1000mg –Putih kekuningan, salut filem tablet, bentuk kapsul 10x18.75mm, dengan belah pada satu muka and 'SL' logo pada muka sebelah.

### Bahan –bahan kandungan

Bahan aktif: Metformin HCl

Bahan tidak aktif:

Povidone

Macrogol

Sorbitol

Magnesium stearate

Paraffin special Powder (untuk Oralmet Tablet 250mg and 1000mg)

Opadry Y-1-7000 (untuk Oralmet Tablet 250mg, 850mg dan 1000mg)

Hard paraffin (untuk Oralmet Tablet 850mg)

### Nomber MAL

Oralmet Tablet 250mg MAL08031340A

Oralmet Tablet 500mg MAL19913428A

Oralmet Tablet 850mg MAL08111760A

Oralmet Tablet 1000mg MAL08091387A

## Pengilang

Scanlab Sdn bhd

17, Jln SBC 5, Tmn Sri Batu Caves  
68100 Batu Caves, Selangor.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Scanlab Sdn bhd

17, Jln SBC 5, Tmn Sri Batu Caves  
68100 Batu Caves, Selangor.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

08/04/2014